

**MANHAJ TARBIYAH 'AQADIYYAH
(PENDIDIKAN AKIDAH) OLEH SA'ID
HAWWA DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT
RABBANI: TUMPUAN KEPADA KARYA AL-ASAS FI AL-TAFSIR**

Muhamad Alihanafiah Norasid
Mustaffa Abdullah¹

ABSTRAK

Antara tokoh mufasir tersohor pada abad ke-20 Masihi yang tidak lekang menebarkan sumbangsih, dan mencurahkan ilmu bagi pembangunan masyarakat rabbani di samping berjihad di jalan Allah (s.w.t.) ialah Sa'id Hawwa. Sa'id Hawwa sememangnya dikenali sebagai tokoh murabbi yang sinonim dengan idea rabbani lantaran cetusan pemikiran beliau mengenai pembentukan harakah *ihya' al-rabbaniyyah*. Beliau telah menggariskan beberapa elemen penting dalam pembangunan masyarakat rabbani ke arah penyatuan fikrah dan penyatuan amal Islami menurut bingkai akidah Ahli Sunah wa al-Jamaah, antaranya ialah penggubalan kurikulum *tarbiyah 'aqadiyyah*. Justeru, kertas kerja ini akan membongkar manhaj *tarbiyah 'aqadiyyah* yang telah distruktur oleh Sa'id Hawwa menerusi analisis tafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan akidah dalam karya tafsir beliau, *al-Asas fi al-Tafsir* bagi memaparkan model pembangunan masyarakat rabbani terunggul yang diketengahkan oleh beliau. Penganalisan ayat al-Quran juga turut dikong dengan kupasan terhadap karya-karya yang berkaitan akidah hasil penulisan beliau seperti *Fi Afaq al-Ta'alim* dalam membahaskan usul 20 yang disusun oleh Imam Hasan al-Banna yang meliputi elemen kesyumulan Islam yang menyatukan umat, al-Quran dan al-Sunah sebagai panduan hidup, kemuncak akidah ialah makrifatullah, dan Allah merupakan asas segala amal.

PENDAHULUAN

Manusia merupakan jantung hati manusia. Sekiranya jantung hati manusia mati, maka seluruh anggota badannya binasa. membenarkan pegangan dalam hati sehingga terdapat ketenangan jiwa, serta mencapai darjat yakin yang tidak bercampur dengan keraguan, maka itulah konsep akidah yang benar menurut pandangan Imam Hasan al-Banna.² Beliau menambah bahawa antara komponen terpenting bagi pembinaan individu yang unggul ialah pemasakan akidah Islamiah yang sejahtera.³ Imam Abu Hanifah

¹Muhamad Alihanafiah Norasid: Calon Doktor Falsafah, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Mustaffa Abdullah (Prof. Madya Dr.): Ketua Jabatan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

²Hasan, Hasan (t.th.), *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*, Kaherah: Dar-al-Fikr, 2003.

³Dalam rangka pembinaan *fard al-muslim*, Imam Hasan al-Banna telah menggariskan beberapa ciri yang perlu dimiliki oleh setiap individu muslim sejati. Kesemua ciri-ciri yang diaspirasikan oleh beliau sebagai 10 *muwasafat* tarbiah. Imam Hasan al-Banna selanjutnya meletakkan akidah yang terdapat dalam *al-'aqidah* sebagai salah satu ciri-ciri terpenting dalam pengislahan diri individu lantaran ia berfokus kepada jati diri seorang muslim bagi memperjuangkan Islam sebagai satu manhaj hidup. Sila lihat: *ibid.*, 171.